

Penyokong fanatik Pas punca BN tewas di Anak Bukit — Dr. M

2002

KUALA LUMPUR 19 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, faktor fanatik penyokong Pas yang tidak boleh lagi berfikir secara waras adalah punca kekalahan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Anak Bukit, Kedah semalam.

Menurut Perdana Menteri, anggota Pas yang terlalu fanatik kepada pemimpin mereka itu mengikut apa sahaja walaupun untuk melakukan perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam serta nilai budaya Melayu.

Menurut beliau, BN akan kalah walau calon mana pun diletakkan kerana majoriti pengundi di kawasan itu terlalu fanatik kepada parti mereka sehingga

tidak dapat menilai antara yang baik dan buruk.

“Saya t a k fikir soal calon (yang menyebabkan kekalahan)...saya tahu kalau parti lawan letak tunggul kayu pun akan menane (kerana) dia tidak fikir langsung. Dia nampak bulan, dia sokong dan jika pemimpin UMNO dijadikan calon Pas, ia akan tetap mendapat sokongan golongan itu.

● Peratusan pengundi Cina mengundi tinggi — Muka 3

“(Bagaimanapun) kita ada sedikit kemajuan walaupun tidak mudah untuk mengubah orang fanatik yang langsung tidak boleh menilai tetapi hanya mengikut sahaja apa yang pemimpin

mereka kata,” kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Forum Antarabangsa Kuala Lumpur Mengenai Islam 2002 di Hotel Sheraton Imperial di sini hari ini.

Dr. Mahathir mengulas keputusan pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Anak Bukit semalam yang menyaksikan calon Pas, Amiruddin Hamzah, menewaskan calon BN, Datuk Zakaria Said dengan 8,293 undi berbanding 7,790 undi.

Majoriti Pas dikurangkan kepada 508 undi berbanding majoriti 1,840 undi yang diperolehi pada pilihan raya umum 1999.

Bagaimanapun, BN berjaya merampas kerusi kawasan Parlimen Pendang yang sebelum ini dikuasai oleh Pas.

Kerusi Anak Bukit dan Pendang yang dibolot oleh Presiden Pas, Allahyarham Datuk Fadzil Noor pada pilihan raya umum ke-10, kosong selepas beliau meninggal dunia pada 23 Jun.

Dr. Mahathir juga tidak bersetuju dengan tanggapan bahawa seseorang yang pernah memegang jawatan beberapa kali tidak perlu dicalonkan semula pada pilihan raya seterusnya.

Menurut beliau, tidak semestinya seseorang yang pernah memegang jawatan sebagai

■ Lihat muka 8

Penyokong fanatik Pas punca BN tewas di Anak Bukit — Dr. M

wakil rakyat beberapa kali tidak patut dicalonkan semula.

“Saya memegang semula jawatan (Anggota Parlimen Kubang Pasu) sebanyak enam kali, bertanding tujuh kali, kalah sekali... kalau ada syarat itu saya tak bolehlah bertanding dan tak bolehlah jadi PM selama lebih 20 tahun.

“Kalau letak calon barupun, mungkin ada yang tak suka... jadi letak calon lama apa salahnya. Cakap memang senang,” tambahnya.

Perdana Menteri melahirkan kekecewaannya kerana para pengundi masih memilih calon Pas sedangkan para pemimpin parti itu telah melakukan pelbagai kesalahan dari sudut pandangan Islam dan Melayu.

“Amat mengecewakan kerana

na mereka sokong orang yang jelas tidak menunjukkan rasa hormat kepada Islam melalui perlakuan yang berlawanan dengan ajaran Islam.

“Mereka fitnah orang macam-macam, guna cara kasar, dedahkan diri mereka, semuanya dibuat,” tegas beliau.

Mengenai tindakan penyokong Pas mempamerkan gelagat liar dan samseng dengan menahan 20 buah bas yang membawa perayu undi BN, Dr. Mahathir berkata, perbuatan itu menunjukkan mereka tidak lagi menghormati undang-undang dan bertindak seolah-olah mereka adalah polis.

Beliau berkata, ia adalah fenomena yang kian menular di kalangan anggota Pas kerana mereka fikir taktik ganas boleh membawa kemenangan kepada mereka.

Perdana Menteri juga meminta pihak berkuasa memikirkan cara bagi menangani perbuatan seumpama itu daripada berulang pada pilihan raya akan datang.

Dr. Mahathir juga percaya keputusan pilihan raya di Pendang itu yang memihak kepada BN menunjukkan sudah ramai orang UMNO yang kembali semula ke parti itu selepas kegawatan politik yang melanda parti sejak 1998.

“Walaupun tidak semua, tetapi saya fikir ramai juga yang kembali kepada UMNO.

“Kita mencatatkan tambahan (undi) melebihi 3,000, sudah tentu antara mereka ini terdapat orang UMNO yang meninggalkan UMNO tetapi kembali semula,” katanya.